

**Potensi Penjawat Awam Terus Dipertingkat Untuk Kemajuan Negara - Najib Bernama**  
**13 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berjanji untuk terus meningkatkan potensi, kemampuan dan kapasiti semua penjawat awam bagi memastikan kemajuan negara.

Perdana Menteri menerusi entri terbaharu di Facebook berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) sentiasa mengiktiraf dan menghargai peranan perkhidmatan awam sebagai peneraju perubahan Malaysia.

Komitmen untuk terus memartabatkan penjawat awam di negara ini dimuatkan dalam aku janji BN yang dilancar oleh Najib 6 April lepas.

Menurut Manifesto BN bertemakan 'Menepati Janji Membawa Harapan' itu, BN akan memperkenalkan Skim Gaji Transformatif untuk penjawat awam.

Ini termasuk menyemak semula elaun dan menyediakan pergerakan gaji khas sebanyak tiga peratus kepada mereka yang mencapai gaji maksimum jika pada waktu itu tiada semakan gaji dilakukan.

Sementara itu, Najib menerusi Twitternya berkata masa depan pegawai dan penjawat awam yang berkhidmat secara kontrak juga dijamin kerajaan.

BN dalam manifestonya berjanji akan melanjutkan tempoh kontrak pegawai dan menyerap kakitangan yang cekap ke dalam perkhidmatan tetap.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941858>